

Kajian Literatur *Maf'ul Mutlaq* [Literature Review of *Maf'ul Mutlaq*]

BITARA

Volume 3, Issue 1, 2020: 097-106
 © The Author(s) 2020
 e-ISSN: 2600-9080
<http://www.bitarajournal.com>

Zafirah Hanisah Abdul Karim,¹ Hakim Zainal,¹ & Suhaila Zailani @ Ahmad¹

Abstrak

Berdasarkan kajian-kajian lepas, sintaksis Arab merupakan antara subjek yang sukar dikuasai oleh pelajar khususnya pelajar Melayu. Ini kerana terdapat perbezaan antara sintaksis bahasa Melayu dan bahasa Arab. Antara topik sintaksis yang rumit dalam pembelajaran bahasa Arab ialah *maf'ul mutlaq*. *Maf'ul mutlaq* adalah antara pecahan tajuk kata nama akusatif (*mansubat*) di bawah gugusan *maf'ulat*. Selain *maf'ul mutlaq*, kajian jenis *maf'ulat* yang lain seperti *maf'ul bih*, *maf'ul ma'ah*, *maf'ul fih* dan *maf'ul li ajlih* juga ada dijalankan. Ayat *maf'ul mutlaq* ini mempunyai tiga tujuan; iaitu sama ada sebagai kata penguat, menerangkan jenis perbuatan, atau menunjukkan bilangan. Artikel ini membincangkan tentang kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan *maf'ul mutlaq* untuk menelusuri siri kajian yang telah dijalankan dan melihat kelompongan kajian yang ada. Kajian ini adalah kajian kualitatif yang menggunakan kaedah analisis dokumen. Hasil kajian mendapati bahawa kebanyakan kajian lepas berkaitan dengan konsep *maf'ul mutlaq* itu sendiri dengan menjadikan ayat-ayat al-Quran dan kitab-kitab Arab terdahulu sebagai korpus kajian.

Kata Kunci

Bahasa Arab, *Maf'ulat*, *Maf'ul Mutlaq*

Abstract

Based on previous studies, Arabic syntax is among the difficult subject is dominated by students, especially Malay students. This is because there is a difference between the syntax of Malay and Arabic. Among the topics are complex syntax in learning Arabic is *maf'ul mutlaq*. *Maf'ul mutlaq* is between fractions title masculine accusative (*mansubat*) under *maf'ulat* cluster. *Maf'ul mutlaq* addition, studies of other *maf'ulat* like *maf'ul bih*, *maf'ul Ma'ah*, *maf'ul li fih* and *maf'ul ajlih* also be carried out. sentence *maf'ul mutlaq* has three objectives; ie either as an amplifier, describing the type of act, or show the number. This article discusses previous studies related to *maf'ul mutlaq* to discover a series of studies that have been carried out and saw a gap in the existing research. This study is a qualitative study using the method of document analysis. The study found that most previous studies related to the concept itself with *maf'ul mutlaq* made verses of the Quran and the Arabic texts prior to study corpus.

Keywords:

Arabic language; *Maf'ulat*, *Maf'ul Mutlaq*

Cite This Article:

Zafirah Hanisah Abdul Karim, Hakim Zainal & Suhaila Zailani @ Ahmad. 2020. Kajian Literatur *Maf'ul Mutlaq*. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 3(1): 097-106.

¹ Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor, Malaysia.

Corresponding Author:

Hakim Zainal, Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, Bangi Selangor, MALAYSIA. E-mail: haza@ukm.edu.my

Pengenalan

Bahasa adalah alat terpenting untuk manusia berkomunikasi antara satu sama lain. Terdapat beberapa pendapat mengenai asal usul bahasa. Antaranya, menurut pandangan Imam al-Mawardi, asal usul bahasa ialah berdasarkan ayat al-Quran dalam surah al-Baqarah 2: 31: Ertinya: Dan Dia mengajarkan kepada Adam nama-nama (benda-benda) seluruhnya, kemudian mengemukakannya kepada para Malaikat lalu berfirman: “Sebutkanlah kepada-Ku nama benda-benda itu jika kamu mamang benar orang-orang yang benar!”.


Menurut Imam al-Mawardi (1997:80), Allah SWT mengajar Nabi Adam seluruh nama-nama (semua bahasa) di bumi ini, kemudian telah diturunkan pada anak-anak Nabi Adam dan seterusnya pada keturunannya. Namun keturunan Nabi Adam telah mengolah bahasa tersebut bagi memudahkan mereka berinteraksi sehingga mereka melupakan bahasa yang asal. Selain itu, terdapat juga pandangan lain berkaitan asal usul bahasa seperti Felysianus Sanga (2008) yang menyatakan bahawa manusia itu sendiri yang mencipta bahasa yang menjadi sebahagian daripada budaya pada setiap generasi untuk melahirkan satu masyarakat bahasa yang bertamadun. Terdapat lebih daripada 5000 bahasa yang digunakan di dalam dunia ini dan bilangan itu belum termasuk dengan dialek bahasa yang pelbagai (Mustapha Hj. Daud t.th). Setiap bahasa mempunyai kaedah dan sintaksis bahasa itu sendiri termasuklah bahasa Arab. Terdapat beberapa cabang ilmu bahasa Arab antaranya ilmu nahu (tatabahasa) dan sarf (morfologi)

Kewujudan ilmu nahu Arab tercetus atas beberapa faktor. Antaranya ialah fenomena masyarakat orang ‘ajam (bukan Arab) yang tidak menguasai bahasa Arab dengan baik telah membuat kesilapan bahasa dan melakukan kesalahan ketika membaca ayat al-Quran, sama ada dari sudut sebutan atau baris. Maksud dan pemahaman ayat ayat al-Quran boleh berubah kesan daripada kesalahan dalam membacanya. Fenomena yang membimbangkan ini berlaku pada zaman Mu‘awiyah bin Abu Sufyan iaitu pada zaman pemerintahan Ziyad bin Abih. Oleh itu, Abu al-Aswad al-Du’ali telah mengambil tindakan yang wajar untuk menyusun ilmu nahu Arab bagi menyelesaikan masalah tersebut (Kamarul Shukri Mat Teh 2010; Zauwiah Abidin 2015).

Semua bahasa di dunia ini sangat mementingkan nahu dalam bahasa mereka sendiri bagi membetulkan penggunaan bahasa tersebut termasuklah bahasa Arab. Cabang ilmu bahasa Arab iaitu ilmu nahu dan ilmu sarf mempunyai fungsi yang berbeza. Definisi nahu atau sintaksis bahasa Arab secara am ialah sesuatu hukum terhadap *mufradat* (perkataan) Arab dalam bentuk tunggal, frasa dan ayat (Zahariah, Nik Farhan 2016). Ilmu nahu Arab membincangkan tentang lafadz dan makna *mufradat* Arab. Antaranya ialah dari aspek baris akhir *kalimah* Arab, struktur ayat seperti ayat *taqdeem* dan *tak'hir*, bilangan perkataan seperti *mufrad*, *muthanna*, *jama'* dan sebagainya. Manakala berkaitan ilmu sarf pula, Khilmi Kholil (1996) mendefinisikannya secara am sebagai ilmu pengetahuan tentang dasar-dasar perkataan untuk mengetahui selok belok pembinaan kata yang *mu'rab* (perubahan) atau *mabni* (tetap). Contohnya seperti *ism fa'il*, *ism maf'ul*, dan *ism tafdhil*.

Perbincangan ilmu nahu Arab adalah pelbagai. Salah satunya ialah tajuk *mansubat*. *Mansubat* pula terbahagi pada *tajuk tamyiz*, *mustathna*, *munada*, *khabar kana wa akhawatuhu*, *ism inna wa akhawatuhu*, *al-tabi' li ism mansub*, *hal* dan tajuk *maf'ulat*, *Maf'ul mutlaq* merupakan antara pecahan daripada tajuk *maf'ulat*. *Maf'ul Mutlaq* adalah *Ism Mansub* dari

*Lafaz Fi'il (masdar) yang disertakan bersama *Fi'il* tersebut bagi tujuan penegasan ayat, penjelasan jenis atau jumlah *Fi'il* tersebut (Ibn 'Aqil, m769H). Pembahagian tajuk *mansubat* seperti rajah di bawah.*



Rajah 1 Pembahagian Tajuk Mansubat

Sumber: Ibn 'Aqil 1999

Seterusnya perbincangan berikut akan menumpukan kepada kajian-kajian berkaitan dengan *mansubat*.

Kajian Berkaitan Kata Nama Akusatif/*Mansubat*

Mansubat ialah kata nama akusatif di dalam bahasa Melayu (Dewan Bahasa dan Pustaka 1996). Berdasarkan kajian lepas mengenai tajuk-tajuk *mansubat*, ia boleh diklasifikasikan kepada 3 topik:

- a. Kajian *mansubat* dan aplikasi pada teks al-Quran:

Sebagai contoh kajian *mansubat* dalam surah tertentu seperti kajian *al-Asma' al-Mansūbat fi Surat al-Isra'* (Muhammad Syukri 2015) dan kajian Analisis *Mansubatul Asma'* dalam Surah al-Kahfi (Khiyatul Auliya' 2017). Tujuan kajian itu dijalankan untuk mengeluarkan *ism-ism mansubat* dalam teks kajian dan menentukan i'rab *mansubat* tersebut.

- b. Kajian *mansubat* dan aplikasi pada kitab-kitab Arab:

Seperti kajian yang dilakukan oleh Khairun Nisak (2017) bertajuk *Al Asma' Al Mansubat Fi Kitab "Al Mawa'iz Al Asfuriah" Lil Sheikh Muhammad bin Abi Bakar Al Masyhur Bi 'Asfur*; kajian Dhogham Mahmud Ahmad (2018) bertajuk *I'tiradat Al Azhari (905 H) A'la An-Nahah Fi Mansubat Al Asma' Fi Kitabah Syarh Al Tasrih*. Hal-hal yang dibincangkan adalah dengan mengeluarkan *ism-ism mansubat* seperti *hal*, *tamyiz*, *maf'ul mutlaq* seterusnya menentukan i'rab kata nama *mansubat* tersebut. Kajian lepas juga ada memerihalkan tentang *Mansubat Mutashabihat* berdasarkan tafsiran *Kitab Tafsir Al-Tahrir Wa-Al-Tanwir* oleh *Ibn Ashur Tunisia* pada tahun (1879-1973). *Ibn Ashur* telah mengkaji tentang isu-isu yang berkenaan dengan tatabahasa bahasa Arab di dalam kitabnya. Sebagai contoh *maf'ul mutlaq*, *maf'ul bih* dan *maf'ul lah* dalam tajuk *mansubat*. Kajian tentang ini telah menggunakan kaedah deskriptif analitik (Mahmoud Shakib Ansari et al. 2015).

- c. Kajian *mansubat* yang berkaitan dengan pengajaran:

Sebagai contoh kajian Siti Rosita (2014), yang menganalisis kemampuan mahasiswa dalam menentukan *ism mansub* pada tajuk 'Irab Jumal. Kajian ini menggunakan metode kuantitatif dengan menganalisis data yang dikutip daripada mahasiswa semester VI jurusan pendidikan bahasa Arab, Universiti negeri Semarang, Indonesia. Hasil kajian ialah, pertama dalam menentukan *Ism Mansub* sahaja ialah lebih daripada yang sedia ada. Kedua, dalam menentukan *Ism Mansub* reksi fungsi sintaksis ialah dikategorikan sebagai rendah. Akhir sekali ialah dalam menentukan *Ism Mansub* inflesi partikel ialah turut dikategorikan rendah.

Kajian berkaitan dengan *Maf'ulat*

Perbincangan tentang *Maf'ulat* telah lama wujud sejak 791 masihi oleh *al-Khalil bin Ahmad al-Farahidiy*. Karya beliau bertajuk *Al-Jumal Fi Al-Nahu*. Beliau hanya menyentuh tiga jenis *Maf'ul* sahaja pada ketika itu seperti *Maf'ul Bih*, *Maf'ul Mutlaq* dan *Maf'ul Fih*. Selepas daripada itu, bermulalah perbincangan kelima-lima jenis *Maf'ul* oleh para ilmuwan nahu seperti *Sibawayh* (m 1888H/803M) dalam bukunya *Al-Kitab* dan *Ibn Aqil* (m769H) dalam bukunya *Syarh Ibn Aqil* (Che Ku Mah 2010).

Selain daripada kitab-kitab para ilmuwan nahu di atas, terdapat juga tesis dan artikel yang telah dijalankan. Kajian-kajian lepas berkaitan dengan *maf'ulat* juga boleh dibahagikan kepada tiga aspek.

- a. Pertama berkaitan dengan kajian ilmu *maf'ulat* itu sendiri:

Contohnya ialah kajian tesis Che Ku Mah (2010) yang membincangkan tentang semua *maf'ulat*. Menurutnya *maf'ulat* amat penting dalam memantapkan ayat-ayat bahasa Arab terutamanya di dalam ayat al-Quran. Justeru itu, tajuk *maf'ulat* juga mempunyai pandangan yang berbeza mengikut ahli-ahli *nahu* dan *muhadhabhin*. Pada zaman Sibawaih, perbezaan pandangan ahli *nahu* dan *muhadhabhin* terhadap *maf'ul* ini mencetuskan kajian yang lebih kritis dalam mendalami ilmu *nahu* (Arman Husni 2010). Bagi memastikan tiada kesalahan terjemahan ayat bahasa Arab, penggunaan *maf'ulat* perlulah tepat (Syafi'ul Huda 2011).

- b. Kedua ialah kajian *maf'ulat* dari aspek bahasa:

Terdapat kajian secara kontrastif di dalam tajuk *maf'ulat* telah dijalankan bagi membandingkan antara bahasa Arab dan bahasa yang lain seperti kajian Zulfatul Malikah (2017). Kajian itu melibatkan antara *maf'ulat* bahasa Arab dan bahasa Indonesia. Hasil kajian ini dapat memperluaskan lagi ilmu *nahu* dalam kemahiran menulis dan memudahkan dalam pemahaman tajuk *maf'ul mutlaq* itu sendiri.

- c. Kajian jenis-jenis *maf'ulat*:

Maf'ulat terbahagi kepada lima bahagian iaitu *maf'ul liajlih*, *maf'ul fih*, *maf'ul ma'ah*, *maf'ul bih*, dan *maf'ul mutlaq*. Berdasarkan kajian-kajian lepas, kelima-lima *maf'ulat* ini sering kali menjadi tajuk kajian bagi penulisan artikel dan tesis. Antara kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan *maf'ul liajlih* (Nur Faizah 2011; Umar Yusuf Ukasyah 2015) *maf'ul fih* (Abqari Hisan Abdullah 2003; Muhammad Wakid Ali 2009) *maf'ul ma'ah* (Dawaf & Hakimi 2016) *maf'ul bih* (Nurul Aini 2014; Siti Muthirah 2017; Ibrahim 2018; Ghullam Abbas 2018). Seterusnya kajian yang berkaitan dengan *maf'ul mutlaq* yang menjadi fokus utama penulisan artikel ini.

Tinjauan Literatur Maf'ūl Mutlaq

Berdasarkan kajian lepas mengenai tajuk-tajuk *maf'ul mutlaq*, ia boleh diklasifikasikan kepada 4 topik:

- a. Pertama ialah dari aspek kajian ilmu *maf'ul mutlaq* itu sendiri:

Kajian Salmah Intan (2000) dan Ma'adul Yaqein Makkarateng (2015) telah membincangkan topik *maf'ul mutlaq* secara khususnya. Kajian itu membincangkan tentang pengertian dan masalah *maf'ul mutlaq* yang merupakan pecahan dari *ism-ism mansub*. Hasil kajian, *maf'ul mutlaq* ada tiga fungsi. Pertama ialah *maf'ul mutlaq* merupakan *masdar* yang memberi maksud penegas maksud *fi'il*, menjelaskan bilangan *fi'il* atau menerangkan jenis *fi'il*. Selain itu *maf'ul mutlaq* merupakan pengganti lafaz *fi'il* atau tidak dinyatakan 'amil nya di dalam ayat. Selain itu, kajian itu juga menceritakan tentang pengganti *masdar* yang menggantikan *maf'ul mutlaq*, 'amil-'amil yang mewujudkan *maf'ul mutlaq* dan hukum *maf'ul mutlaq*. Penggunaan bahasa

bagi *maf'ul mutlaq* secara keseluruhannya juga dapat dikaji melalui al-Quran. Kajian Umar Yusuf Ukasyah (2013) pula ada membincangkan tentang perubahan makna jika fungsi *maf'ul mutlaq* yang menerangkan jenis digugurkan dalam ayat yang mengandungi *maf'ul mutlaq*. Ini kerana belum ada yang mengkaji tujuan jenis *maf'ul mutlaq* itu digugurkan. Terdapat juga kajian yang mempersoalkan adakah *maf'ul mutlaq* itu merupakan *maf'ul* yang asal dan isu tentang fungsi *maf'ul mutlaq* yang menerangkan jenis dalam bahasa Arab (Umar Yusuf Ukasyah 2014).

b. Kajian *maf'ul mutlaq* dan aplikasi pada teks al-Quran:


Antaranya ialah kajian *maf'ul mutlaq* dalam surah-surah *al-Mufassal* (Bambang Muhamad & Saini Ag Damit 2014), surah dalam juzu' 29 dan 30 (Khairun Nisa 2015), surah *al-Kahfi* (Fani Asmawati 2015), surah- surah dalam al-Quran (Wala'a Ya'aqabah 2016), dan surah *al-Isra'* (Hairin Najerin 2016). Kajian-kajian tersebut mengeluarkan *maf'ul mutlaq* dalam surah-surah tertentu dan menganalisis dari sudut sintaksis.

c. Kajian *maf'ul mutlaq* dan aplikasi pada kitab-kitab Arab :

Antaranya ialah kajian pada teks kitab *Sohih Imam Bukhari* (Fatimah Yahya 2013), kitab *al-Ta'lim al-Muta'allim* (Fatah Al Fathul Razak 2016), kitab *al-Lu' Lu' wal Marjan* (Syarif Hidayatullah Khan 2016), dan kitab *Mukhtar al-Hadith al-Nabawiyyah wa al-Hikam al-Muhammadiyyah* (Laililatul Rosyidah 2018). Kajian-kajian tersebut mengeluarkan *maf'ul mutlaq* dalam surah-surah tertentu dan menganalisis dari sudut sintaksis.

d. Kajian *maf'ul mutlaq* dalam bahasa lain:

Terdapat kajian yang melibatkan bahasa selain bahasa Arab dalam tajuk *maf'ul mutlaq*. Sebagai contoh ada kajian yang melibatkan bahasa Parsi. Mowlai Ch (2003) telah membahaskan persoalan rakyat Parsi bahawa terdapat penggunaan *maf'ul mutlaq* di dalam tatabahasa bahasa Parsi baharu yang diambil dari tatabahasa bahasa Arab. Kepercayaan itu salah kerana terdapat bukti-bukti sejarah antara Iran dan India yang menyangkal dakwaan itu. Selain itu, kajian Mohamed Abdelmageed (2013) juga ada mengkaji tentang terjemahan *maf'ul mutlaq* kepada bahasa Inggeris yang membahasakan tentang penggunaan *maf'ul mutlaq* dan unsur-unsur nahu yang tersirat dalam makna leksikografi. Secara keseluruhannya pemetaan tinjauan literatur kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan *maf'ul mutlaq* ialah seperti berikut:

Rajah 2 Pemetaan Analisis Tinjauan Literatur *Maf'ul Mutlaq*

Sumber: Zafirah 2020

Analisis Tinjauan Literatur

Pembelajaran sintaksis bahasa Arab seringkali menjadi rumit bagi pelajar bahasa Arab. Mereka akan menjadi kurang berminat untuk belajar bahasa Arab apabila mereka tidak jelas dengan tajuk yang dipelajari. Salah satu tajuk yang menjadikan mereka keliru ialah *maf'ul mutlaq*. Oleh kerana itu, terdapat banyak kajian tentang *maf'ul mutlaq* telah dijalankan bagi menjelaskan tentang *maf'ul mutlaq* dengan lebih jelas. Kebanyakan kajian *maf'ul mutlaq* yang telah dijalankan ialah dari aspek ilmiah berdasarkan teks dalam al-Quran dan kitab-kitab Arab terpilih.

Kajian-kajian tersebut menganalisis dari sudut sintaksis *maf'ul mutlaq* bagi tujuan memudahkan pelajar bahasa Arab dalam memahami tajuk *maf'ul mutlaq*. Selain itu, kajian-kajian lepas juga ada mengkaji tentang *maf'ul mutlaq* secara ilmiah dari segi keseluruhan tajuk *maf'ul mutlaq* dan kajian *maf'ul mutlaq* dalam bahasa lain. Namun begitu, pelajar melayu juga perlu mengetahui *maf'ul mutlaq* dari sudut persamaan dan perbezaan dalam bahasa Melayu. Ini dapat menjelaskan lagi pemahaman penggunaan *maf'ul mutlaq* dengan betul dan tepat. Oleh itu, kajian lanjutan berkenaan tentang *maf'ul mutlaq* dari sudut kajian kontrastif dan terjemahan perlu dijalankan.

Kesimpulan

Berdasarkan kajian literatur *maf'ul mutlaq* ini, dapat disimpulkan bahawa banyak faedah yang boleh diperolehi bagi pelajar bahasa Arab untuk mendalami tajuk *maf'ul mutlaq*. Pelajar perlu

mengetahui perbezaan *maf'ul mutlaq* antara bahasa Arab dan Melayu bagi memahami dengan lebih jelas dari segi sintaksis dan terjemahan ayat yang digunakan dalam kedua-dua bahasa tersebut. Pemahaman yang jelas dapat meningkatkan minat pelajar untuk mempelajari bahasa Arab dengan lebih mendalam. Maka prestasi pelajar dalam subjek bahasa Arab akan meningkat dan lebih cemerlang.

Rujukan

- Ab. Halim Mohamad & Che Radiah Mezah. 2005. Ketepatan terjemahan struktur ayat Arab ke dalam bahasa Melayu: Satu Kajian kes. Kertas Kerja *Seminar Antarabangsa MICOLLAC*, anjuran Jabatan Bahasa Inggeris, FBMK, UPM 23-25 April 2005 di Holiday Villa, Subang Jaya.
- Ab. Rahim Ismail. 2004. *Al-lughah al-'Arabiyyah: Dawruha wa Makanatuha fi al-Hadir wal-Mustaqbal*. Dlm. Ezad Azrai Jamsari, Farid Mat Zain, Hakim Zainal & Salmah Ahmad. (pnyt.), *al-Hadharah*, hlm. 135-144. UKM: Jabatan Bahasa Arab dan Tamadun Islam
- Abqari Hisan Abdullah. 2003. Analisis Penggunaan *Maf'ul Fih* di Kalangan Pelajar-Pelajar Melayu: Satu Kajian Kes. Disertasi Sarjana. Universiti Malaya.
- Ainol Madziah Zubairi & Isarji Sarudin. 2009. Motivation to learn a foreign Language in Malaysia, GEMA Online Journal of Language Studies 9(2):73-87.
- al-Mawardi, 'Ali bin Muhammad (1997). *al-Naktu wa al-'Uyun*, kitab digital al-Maktabah al-Syamilah.
- Arman Husni. 2010. *Al Maf'ul Inda Sibawaih: Muqoronah Bi Ra'a Annūhah Al-Qudama' Walmuhaddathin*. Vol 5. No 1 LiNGUA.
- Azman Che Mat, Md Radhi Hashim & Ahmad Faiz Yaakub. 2005. Kecenderungan pelajar memilih bahasa Arab sebagai bahasa asing di UiTM dan KUSZA: Satu perbandingan. Projek kajian dengan geran IRDC (Institute of Research, Development and Commercialization), Universiti Teknologi MARA, Shah Alam, Malaysia.
- Bambang Muhamad Rafadi Yusoff, Saini Ag Damit. 2014. Analisis *Al- Maf'ul Mutlaq* dalam surah-surah *Al-Mufassal*: Satu Kajian Kemukjizatan Linguistik Al Quran. *Procedia Social and Behavioral Sciences* 134 , 283-290.
- Che Ku Mah. 2010. *Maf'ulat* dalam Bahasa Arab: Satu Analisis dalam surah Yasin. Tesis PhD Universiti Malaya.
- Dawaf & Hakimi. 2016. *Al Maf'ul Ma'ah wa Ma Yata'allaku Bihi Min Ahkam*. Majallat 'Alam Al Tarbiyah. Arab Association for Scientific Consultation and Human Development.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. 1996. *Glosari Bahasa dan Kesusasteraan Arab*. Kuala Lumpur: DBP
- Dhogham Mahmud Ahmad. 2018. *I'tiradat Al Azhari (905 H) A'la An-Nahah Fi Mansabat Al Asma' Fi Kitab Syarh Al Tasrih*. Jurnul Al Adab. Penerbit Baghdad Universiti.
- Fani Asmawati .2015. *.Al Maf'ul Mutlaq Wa A'rādūhu Fi Surah Al Kahf (Dirasah Nahwiah)*. Tesis Sarjana. Universiti Islam Negeri Sunan Ambil Surabaya.
- Fatah Al Fathul Razak. 2016. *Al Maf'ul Mutlaq Wa A'rādūhu Fi Kitab Al Ta'līm Al Muta'allim (Dirasah Nahwiah)*. Tesis Sarjana. Universiti Islam Negeri Sunan Ambil Surabaya.
- Fatimah Yahya Muhammad Abdul Rahman. 2013. *Al Maf'ul Mutlaq Fi Sohih Imam Al Bukhari (Dirasah Nahwiah Wasfiah Dilalih)*. Penerbit Universiti Am Darman Al Islamiah.

- Felysianus Sanga. 2008. Analisis kontrastif mengatasi kesulitan guru bahasa di Provinsi Nusa Tenggara Timur. *Linguistika: Buletin Ilmiah Program Magister Linguistik Universitas Udayana.*
- Ghulam Abbas Rezaei haftador. 2018. The historical field of Dedicated and delay in the Holy Quran between Al-Jorjani and Al-Zamkhari. *Majallah Kuliah Al Tarbiah Al Asasiah Lil U'lum Al Tarbawi waL Insaniah.* Universiti Babal.
- Hairin Nagerin. 2016. *Maf'ul Mutlaq pada Surah Al Isra'*. Penelitian Ilmiah, Jurusan Pendidikan Bahasa Arab, Fakutas Tarbiyah dan Keguruan.
- Ibn 'Aqil, Baha' al-Din 'Abd Allah bin 'Aqil al-Hamdaniy al-Masriy. t.th. 1999. Sharh Ibn 'Aqil. Dar Turath, Kaherah
- Ibrahim Ahmad Khalaf Muhammad. 2018. *Al Maf'ul Bih Fi Tafsir Kalam Robani Li Ahmad Bin Ismail Al Korani (893H) Dirasah Nahwiah. Majallah Adab Al Farahidi.*
- Kamarul Shukri Mat Teh. 2010. *Perkembangan Awal Nahu Arab.* Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur
- Khairun Nisa 2015, Maf'ul Mutlak (Absolute Object) dalam al-Quran Juz 29 Dan 30 (Analisis Sintaksis). Tesis Sarjana. Universiti Negeri Semarang.
- Khairun Nisak. 2017. *Al Asma' Al Mansubat Fi Kitab "Al Mawa'iz Al Asfuriah" Lil Sheikh Muhammad bin Abi Bakar Al Masyhur Bi 'Asfur.* Tesis Sarjana. Universiti Islam Maulana Malik Ibrahim, Malang.
- Khilyatul Auliya'. 2017. Analisis *Mansubatul Asma'* dalam Surah Al-Kahfi. Skripsi. Jurusan Sastra Arab, Fakulti Sastra, Universiti Negeri Malang.
- Khilmi kholil. 1996. *Muqoddimah lidirosati al-lughoh.* Iskandariyah: Dar al-Makrifah.
- Lailiyatul Rosyidah. 2018. *Maf'ul Mutlak Dalam Kitab Mukhtar Al Hadiths Al Nabawiyyah wa Al Hikam Al Muhammadiyyah* Karya Sayyid Ahmad Bin Ibrahim Al Hasyimi. Penerbit: Universiti Negeri Malang.
- Ma'adul Yaqien Makkarateng. 2015. *Maf'ul bih wa maf'ul mutlaq.* Kajian Ilmiah. Program Pascasarjana Universiti Islam Negeri Alauddin Makassar.
- Mahmoud Shakib Ansari & Mahmoud Abdanan Mahdizade & Kobra Mohammadi Sari Baglu. 2015. *The Grammatical Votes of Ibn Ashur in the Explaination of Mansubat Mutashabiahah in Tafsir al-Tahrir wa al-Tanwir.* International Journal of Review in Life Sciences 5(11), 296-303.
- Moh Saifullah Al Aziz Senali. 2005. *Metode Pembelajaran Ilmu Nahwu Sistem 24 jam.* Gresik: Terbit Terang Surabaya.
- Mohamed Abdelmageed Mansour. 2013. Lexical Semantic Constraints on the Use of Cognate Object and their Syntactic Implications in Arabic – English Translation. *Arab Journal for the Humanities.* 31(123): 1911-1920.
- Mowlai Ch. 2003. Maf'ul- i- mutlaq in Persian language (A study of historical grammar). *Journal of Faculty of Letters and Humanities (Tabriz)* 45: 185: 95-102.
- Muhammad Syukri. 2015. *Al Asma' Al Mansubat fi Surah Al Isra'*. Tesis Sarjana, Universiti Islam Negeri Syarif Hidayatullah Jakarta.
- Muhammad Wakid Ali. 2009. *Al Maf'ul Fih Fil Quranul Karim (Dirasah Nahwiah Ihsoiyah).* Tesis Sarjana. Universiti of Jordan.
- Mustapha Daud. t.th. hlm. 29, dirujuk daripada Joseph H.Greenberg “*Languages of the World*” dalam *Encyclopedia Americana*, Jld. 16, hlm. 731.

- Nur Faizah. 2011. *Maf'ul Liajlih Wa Isti'malatuhu Fi Surah Al- Isra'* (*Dirasah Nahwiah*). Penerbit UIN Syarif Hidayatullah Jakarta.
- Nurul Aini. 2014. Analisis Kontrastif Antara Maf'ul Bih Di dalam Bahasa Arab dan Bahasa Indonesia. Tesis Sarjana. Universiti Islam Negeri Sunan Ambil Surabaya Indonesia.
- Rokhati & Darul Qutni & Hasan Busri. 2015. Maf'ulat (KOMPLEMEN) dalam Kitab Matan Al-Bukhari Masykul Juz 1 (Analisis Sintaksis). *Lisanul Arab 4(6) Journal of Arabic Learning and Teaching*.
- Salmah Intan .2000. *al-Maf'ul al-Mutlaq*. In: Forum Seminar Kelas A Mata Kuliah Diskusi Bahasa Arab, 15 Februari 2000, Program Pascasarjana IAIN Alauddin Makassar.
- Siti Muthirah. 2017. Analisis Kontrastif *Maf'ul Bih* Bahasa Arab dan Indonesia. Kajian Ilmiah Univesiti Islam Negeri Radin Intan Indonesia.
- Siti Rosita. 2014. Analisis Kemampuan Mahasiswa Semester Vi Program Studi Pendidikan Bahasa Arab Dalam Menentukan Isim Manshub Pada Mata Kuliah "I'rob Jumal" Tahun Ajaran 2012-2013. *Lisanul Arab 3(5) Journal of Arabic Learning and Teaching*.
- Syafi'ul Huda. 2011. *Al Mafaa'iil fti al Tarjamati al harfiyyati li Tholabati Qismi Ta'liimi al Lughati al 'Arobiyyati* Tesis Sarjana. Universiti Islam Wali Sonjo Samaranaj.
- Syarif Hidayatullah Khan. 2016. *Al Maf'ul Mutlak Wa'aroduhu Fi Kitab Al Hadis "Al Luk Luk Wal Marjan"* (*Dirasah Nahwiah*). Tesis Sarjana. Universiti Islam Negeri Sunan Ambil Surabaya.
- Umar Yusuf Ukasyah. 2013. Hal Tanub Kullu Sifati Lilmaf'ul Mutlak An'hu? Iktisyafu Binyatain Mukhtalifataini Limurakkabil Mutlakil Mukhtassin Naw'i "Mubayyin ni Naw'i " Al Mausifi Fi Al lughah Al Arabiyah. *Al Majalah Al Urduniah Fi Lulaghah Al Arabiah Wa Adabiha*. Jilid (10).
- Umar Yusuf Ukasyah. 2014. Hal Lil Maf'ul Mutlak Huwa Al Maf'ul A'lal Hakikah? Muhawalahtu Istikna' Al Maf'ulil Lughawil Hakikil Wahidi Fil Lughatil Arabiah. *Al Munarik Al Mujallid* 20. No. 4.
- Umar Yusuf Ukasyah. 2014. The Renewing of Saying in Some Issues of Unrestricted Object in Arabic. Penerbit: University of Jordan.
- Umar Yusuf Ukasyah. 2015. The latent soul illusion in the causative object section the controllers in purposeful causative object coming as a treatment infinitive in Arabic. *Journal of Arts and Social Sciences*. Universiti Sultan Qaboos.
- Wala'a Ya'aqbah. 2016. The Cognate Accusative in the Holy Qur'an and the Methods of Compesation. *An Najah Univ. J. Res (Humanities)*. Vol.30 (10).
- Zahariah, Nik Farhan et.al. 2016. Kepentingan Nahu dalam Menghafaz Quran. *GEMA Online Journal of Language Studies*. Vol 16(2).
- Zauwiah Binte Abidin. 2015. Penggunaan Huruf Yā' Dalam Sintaksis Bahasa Arab Dalam Kalangan Pelajar Madrasah Sagoff al-Arabiah, Singapura. Disertasi UTM.
- Zulfatul Malikah. 2017. An Analysis Contrastiveof Maf'ulat Indonesian and Arabic and Contribution According to Clifford of Maherah Kitabah at Arabic Education (PBA) Tesis Sarjana. UIN Maulana Malik Ibrahim Malang.